

Berita Harian 4/1/08 (Jumaat)

Bayaran balik PTPTN sama kiraan bank

MERUJUK surat pembaca *Berita Harian* oleh Lati-fah Abdullah, bertarikh 27 Disember 2007, mengenai kos pentadbiran pembayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN, saya ingin menjelaskan, seperti yang dipersetujui dalam perjanjian, pinjaman PTPTN dikenakan kos pentadbiran tiga peratus setahun berdasarkan baki pokok bulanan berkurangan.

Kiraan kos pentadbiran bermula enam bulan selepas tamat pengajian atau tamat pinjaman seperti yang dijadualkan.

Dalam hal ini, kos pentadbiran sebanyak RM3,821.38 adalah jumlah keseluruhan selama 120 bulan, yang dikira berdasarkan 3 peratus setahun yang dikira pada setiap bulan berdasarkan baki pokok (prinsipal) bulanan berkurangan.

Ini bermakna kos pentadbiran sebanyak RM48.75 yang dinyatakan di dalam surat PTPTN bertarikh 29 November adalah sebahagian daripada RM3,821.38 dan jumlahnya akan berkurangan setiap bulan mengikut baki pokok pada ketika itu. Oleh itu pengiraan yang dibuat penulis sebanyak RM5,850 (RM48.75x120) adalah tidak tepat.

Apabila bayaran balik dibuat peminjam, kos pentadbiran (termasuk tunggakan) akan diambil kira terlebih dulu, manakala lebihan baya-rannya akan digunakan untuk penyelesaian prinsipal (pokok).

Sebagai contoh, seorang pelajar

yang meminjam sejumlah RM19,500 dan dijadualkan untuk membayar balik selama 10 tahun (120 bulan) dengan jadual ansuran bulannya yang berbentuk progresif.

Pada tahun pertama, pelajar dikehendaki membayar ansuran bulan sejumlah RM70.40 merangkumi prinsipal RM21.65 dan kos pentadbiran RM48.75. Pada tahun kelima pula, pelajar dikehendaki membayar ansuran bulanan berjumlah RM201.07 merangkumi prinsipal RM164.30 dan kos pentadbiran RM36.77. Perbezaan ansuran ini lebih ketara pada penghujung ansuran (bulan ke-120), di mana bayaran ansuran adalah sejumlah RM259.69 merangkumi prinsipal RM259.04 dan kos pentadbiran RM0.65.

Perlu ditekankan di sini bahawa cara atau formula pengiraan kos perkhidmatan yang diguna pakai oleh PTPTN adalah bersamaan dengan pengiraan yang dibuat institusi kewangan yang mengeluarkan pinjaman.

Penulis dinasihatkan merujuk kepada keseluruhan jadual bayaran balik dan menghubungi PTPTN supaya penjelasan dapat dibuat dengan lebih sempurna supaya isu kos pentadbiran ini tidak terus disalah tafsiran.

Pengadu boleh menghubungi PTPTN di talian 03-2092 7788 sekiranya inginkan penjelasan lanjut.

YUNOS ABDUL GHANI,
Ketua Eksekutif PTPTN.